

# NOTIS MESYURAT AGUNG TAHUNAN KE-42

BURSA MALAYSIA BERHAD (30632-P)  
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA DI BAWAH AKTA SYARIKAT, 2016)



**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan ke-42 Bursa Malaysia Berhad (Syarikat) akan diadakan di Ballroom 2, Tingkat 1, Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 28 Mac 2019 pada jam 10.00 pagi untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

## Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.
2. Untuk melantik semula pengarah, Datuk Chay Wai Leong yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula.

**Resolusi 1**

Encik Ghazali bin Haji Darman yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat, telah menyatakan hasrat untuk menarik diri daripada dilantik semula. Oleh itu, beliau akan kekal memegang jawatan sehingga berakhirnya AGM ke-42.

3. Untuk melantik semula para pengarah berikut yang bersara selaras dengan Artikel 18.11 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:

- (1) Cik Chong Chye Neo;
- (2) Datuk Muhamad Umar Swift.

**Resolusi 2**

**Resolusi 3**

4. Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah berjumlah RM300,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

**Resolusi 4**

5. Untuk meluluskan pembayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah RM2,200,000, bermula 29 Mac 2019 hingga Mesyuarat Agung Syarikat tahun yang berikutnya.

**Resolusi 5**

6. Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menetapkan imbuhan mereka.

**Resolusi 6**

7. Untuk melaksanakan urusan-urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat, 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-42 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 15.9 Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung bertarikh 21 Mac 2019. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit bertarikh 21 Mac 2019 sahaja layak menghadiri mesyuarat ini atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

## MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md. Hashim, LS0006674  
Hong Soo Yong, MAICSA 7026744  
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
28 Februari 2019